

TARIKH	29 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	31	RUANGAN	News

RM1.8 juta biaya 366 jemaah haji

Johor taja pesara, golongan kurang mampu ke Tanah Suci

>>Oleh Salman Hamat

salman@hmetro.com.my

JOHOR BAHRU: Sebanyak RM1.8 juta dibelanjakan Kerajaan Johor bagi membiayai rombongan haji pesara dan mereka yang kurang berkemampuan menunaikan rukun Islam ke-lima sepanjang tahun ini.

Ia jumlah sama digunakan bagi membiayai perbelanjaan rombongan haji tajaan kerajaan negeri sejak tiga tahun lalu.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, tahun ini kerajaan negeri memilih 366 individu untuk mengikut rombongan haji dengan tambang perjalanan berlepas dan pulang serta perbelanjaan lain dibiayai sepenuhnya.

Beliau berkata, secara keseluruhan tahun ini, 3,000 rakyat Johor bakal berlepas ke tanah suci, manakala 118,970 penama lain dari negeri ini berada dalam daftar senarai menunggu dengan Lembaga Tabung Haji (LTH).

"Pembiayaan jemaah haji setiap tahun bukan saja memberi peluang kepada rakyat negeri ini menunaikan haji, pada masa sama ia salah satu usaha kerajaan meningkatkan syiar Islam, sekali gus memuliakan dan mengagungkan kebesaran Islam.

"Kami mendoakan bakal haji menunaikan rukun ke-lima Islam dengan sempurna dan terapkan amalan saling membantu di sana.

"Jagalah nama naik kerajaan negeri sepanjang berada

di tanah suci dan pulang dengan selamat," katanya pada majlis Makan Tengah Hari Bersama Bakal-Bakal Haji Rombongan Kerajaan Johor di Pusat Konvensyen Antarabangsa Johor (Persada) di sini, semalam.

Selain itu, penubuhan organisasi seperti LTH bertujuan memudahkan orang ramai mengerjakan haji serta sistem tabungan diwujudkan untuk memberikan peluang kepada rakyat negara ini ke tanah suci.

Peserta rombongan dipilih daripada kakitangan kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Johor.



TERPILIH...Abdul Ghani bersalaman dengan sebahagian bakal haji yang dibiayai kerajaan negeri.